

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA,PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memastikan para peniaga kecil sederhana mampu berhadapan dengan cabaran perniagaan di kala pandemik COVID-19 dan apakah statistik perniagaan yang telah “gulung tikar” ekoran terkesan dengan pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) komited dalam membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk mendepani cabaran perniagaan kesan pandemik Covid-19.
2. Bagi tujuan tersebut, MEDAC telah menyediakan bantuan bagi memulihkan usahawan dan koperasi terjejas melalui skim pembiayaan dan pemberian moratorium merangkumi 26 program dengan implikasi kewangan sebanyak RM7.06 billion dan melibatkan 192,541 penerima manfaat.
3. Selain itu, MEDAC juga melaksanakan program yang berteraskan adaptasi teknologi bagi memperkukuhkan daya tahan PMKS yang merangkumi pelaksanaan 11 program dengan peruntukan sebanyak RM14.8 juta dan melibatkan 8,950 penerima manfaat.
4. Berdasarkan Kaji Selidik Ke Atas Usahawan semasa Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP3.0), yang telah dilaksanakan oleh MEDAC pada 15 hingga 28 Jun 2021 mendapati bahawa sebanyak 3.16% atau sebanyak 37,415 usahawan telah berhenti beroperasi atau gulung tikar. Majoritinya adalah usahawan mikro iaitu sebanyak 26,007 dan diikuti dengan PKS sebanyak 2,738.

Sekian, terima kasih.